ACV 7310

JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT MENURUT GEREJA ROMAN KATHOLIK: SUATU KAJIAN ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

MUHAMAD MIZIAZAM BIN YAHYA

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH SARJANA USULUDDIN BAHAGIAN II (SECARA KURSUS DAN DISERTASI)

JABATAN AKIDAH DAN PEMIKIRAN ISLAM
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2000

Perpustakaan Universiti Malaya
A510830327

DEDIKASI

Ayahanda dan Bonda...
Hanya kalungan doa dari anakmu ini
Semoga kalian *min ashab al-Yamīn*.

Isteriku tercinta... (Rifhan binti Ahmad)
Semoga kebahagiaan kita
Berkekalan selamanya.

Putera-puteraku...(Muhammad Fahmi dan Fathi)
Dewasalah kalian
Agar menjadi ulama *al-ᶜāmilīn*.

MZY
3/3/2000

DAFTAR ISI **HALAMAN**

PENGHARGAAN vi

ABSTRAK viii

ABSTRACT ix

SINOPSIS x

TRANSLITERASI xii

SENARAI KEPENDEKAN xiv

PENDAHULUAN

A. Pengenalan 1

B. Hipotesis Kajian 2

C. Objektif Dan Kepentingan Kajian 2

D. Skop Penyelidikan 3

E. Masalah Penyelidikan 4

F. Metodologi Penyelidikan 5

1. Metod Pengumpulan Data 6
2. Metod Analisa Data 9
   a.Metod Induktif
   b.Metod Deduktif
   c.Metod Komparatif

G. Kajian-kajian Lepas 10

BAB SATU: DOKTRIN JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT DALAM GEREJA ROMAN KATHOLIK

A. Pendahuluan 15

B. Jesus Christ Dalam Gereja Roman Katholik 16

C. St. Paul Dan Idea Jesus Christ Sebagai Penyelamat 19

D. Sumber-sumber Ajaran Gereja Roman Katholik 31

E. Kesimpulan 39

BAB DUA: DOSA WARISAN: SEBAGAI ASAS KEPERCAYAAN JESUS SEBAGAI PENYELAMAT

A. Pendahuluan 41

B. Definisi Dosa Warisan Menurut Gereja Roman Katholik 41

C. Dosa Warisan Di Dalam *The Holy Bible* 43

D. Dosa Warisan Sebagai Asas Akidah Gereja Roman Katholik 46

E. Dosa Warisan Dan Hubungannya Dengan Jesus Christ 56

F. Kesimpulan 60

BAB TIGA: JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT MENURUT PERSPEKTIF GEREJA ROMAN KATHOLIK

A. Pendahuluan 62

B. Jesus Christ Sebagai Penyelamat Menurut *The Holy Bible* 63

C. Jesus Christ Sebagai Penyelamat Menurut Perspektif Sarjana Katholik 69

D. Penyatuan Dengan Jesus Sebagai jalan Keselamatan 82

E. Kesimpulan 89

BAB EMPAT: JESUS CHRIST SEBAGAI PENYELAMAT: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

A. Pendahuluan 92

B. *The Holy Bible* Menurut Perspektif Islam 93

C Jesus Christ Sebagai Penyelamat Manusia Daripada Dosa Warisan: Analisis Menurut Islam 98

D Jesus Christ Sebagai Penyelamat Bertaraf Tuhan Yang Mati Di Salib: Analisis Menurut Perspektif Islam 116

E. Jesus Christ Sebagai Penyelamat: Analisis Menurut Bible Barnaba 127

F. Kesimpulan 134

PENUTUP

A. Kesimpulan-kesimpulan 136

B. Saranan-saranan 141

BIBLIOGRAFI 147

PENGHARGAAN

Penulis bersyukur kepada Allah yang telah memberi segala kekuatan dan semangat sehingga disertasi ini dapat disempurnakan. Tanpa bantuan dan kerjasama daripada pihak-pihak tertentu disertasi ini mungkin tidak dapat disiapkan. Justeru, di ruangan ini penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak-pihak yang terbabit di atas sumbangan mereka dari sudut bimbingan, nasihat, bahan-bahan rujukan dan sebagainya.

Oleh itu, setinggi-tinggi penghargaan dan penghormatan dikalungkan kepada penyelia disertasi ini iaitu Yang Berbahagia Puan Khadijah binti Mohd. Khambali @ Hambali yang telah banyak mengorbankan masa bersama penulis dalam memberi bimbingan dan idea-idea dalam usaha menyempurnakan disertasi ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada kakitangan-kakitangan perpustakaan yang telah banyak memberi maklumat yang diperlukan. Juga kepada pemimpin-pemimpin Gereja Roman Katholik (St. Thomas) Kuantan, pensyarah-pensyarah, responden-responden dan rakan-rakan kerana telah sudi berkerjasama di dalam memberikan maklumat berhubung dengan kajian yang dilakukan.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Presiden Kolej Islam Pahang, Yang Hormat Dato' Haji Abdul Razak bin Abu kerana dengan usaha dan inisiatifnya penulis berjaya mendapat bantuan kewangan dari Kolej Islam

Pahang (KIP) di dalam menampung kos menghabiskan kursus dan disertasi di peringkat sarjana ini.

Ucapan penghargaan juga ditujukan khas untuk isteri tersayang Rifhan binti Haji Ahmad, ayahanda dan bonda serta rakan-rakan pensyarah Kolej Islam Pahang yang telah banyak mendorong dan memberi semangat kepada penulis untuk menyiapkan disertasi ini.

Akhirnya jutaan terima kasih diabadikan kepada semua pensyarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur yang telah mendidik penulis menjadi insan yang berilmu, beriman, bertaqwa dan berkepimpinan.

Muhamad Miziazam bin Yahya
Kolej Islam Pahang, KM 8
Jalan Gambang, 25150
Kuantan, Pahang Darul Makmur
Tel. (P) 09-5365353-ex. 2226 @ (R) 09-2804736
Faks: 09-5364421

ABSTRAK

Penganut Gereja Roman Katholik mempercayai bahawa Jesus Christ adalah penyelamat bertaraf Tuhan yang dijanji akan membebaskan manusia daripada dosa warisan yang berpunca daripada kesalahan Adam dan Eve. Tuhan dikatakan amat murka kepada Adam dan keturunannya selepas terjadinya peristiwa "dosa" tersebut. Sebagai jalan rahmat kepada manusia akhirnya Tuhan dipercayai telah mengutus anak-Nya Jesus Christ bagi memulihkan kembali hubungan manusia dan Tuhan. Dengan kelebihan yang ada padanya sebagai manusia-Tuhan, Jesus telah berjaya melaksanakan misi yang diamanahkan kepadanya dengan cara mengorbankan diri di tiang salib sebagai pampasan. Kepercayaan tersebut telah dicerakin dan dipapar di dalam disertasi ini berdasarkan kenyataan-kenyataan yang terdapat di dalam *The New Testament, The Old Testament,* pandangan sarjana-sarjana Katholik dan pemimpin-pemimpin Gereja Roman Katholik khususnya yang berada di Malaysia. Penyelidikan ini seterusnya membuat analisis dan kritikan terhadap kepercayaan tersebut berdasarkan pandangan Islam. Hasil daripada justifikasi sumber-sumber rujukan Islam, kajian ini akhirnya telah menyingkap dan membuktikan bahawa ajaran yang mempercayai Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan bukanlah merupakan ajaran asal agama Kristian samawi. Sebaliknya ia merupakan idea dan doktrin ciptaan St. Paul, seorang Yahudi yang berpura-pura memeluk agama Kristian untuk memusnahkan kemurnian agama Kristian samawi dari dalam. Justeru penyelidikan di dalam disertasi ini bertujuan memperjelaskan mengenai kepercayaan dan analisis Islam terhadap Gereja Roman Katholik yang menganggap Jesus Christ adalah penyelamat (*saviour*) manusia daripada dibelenggu oleh dosa warisan.

ABSTRACT

The objective of this research is to clarify the concept and the role of Jesus Christ as the saviour according to Roman Catholic Church. It also tracks down how Christ becomes the saviour of inherited sin and this view is analyzed through statements found in the New Testament and the Old Testament, and the view of church leaders in Malaysia. This research is a comparative study and a critical analysis of the doctrine : Jesus Christ being the saviour of Original Sin or Original Sin for human beings according to the views of Western scholars and Muslim Scholars.

SINOPSIS

Kajian ini bertumpu kepada perbincangan mengenai kepercayaan dan kritikan Islam terhadap Gereja Roman Katholik yang menganggap Jesus Christ adalah penyelamat (*saviour*) yang bertaraf Tuhan yang beperanan membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan. Kajian ini dibahagikan kepada empat bab utama yang didahului oleh pendahuluan dan diakhiri dengan penutup. Secara ringkasnya disertasi ini dikronologikan sebagaimana berikut:

Pendahuluan: di dalamnya mengandungi pengenalan, hipotesis, objektif dan kepentingan kajian, skop penyelidikan, masalah penyelidikan, metodologi penyelidikan, paparan serta ulasan terhadap beberapa buah buku oleh penulis-penulis tertentu mengenai tajuk yang diselidiki oleh penulis.

Bab Satu: membincangkan mengenai sejarah kemunculan Gereja Roman Katholik yang pada awalnya dikenali sebagai Jemaah Roma. Diterangkan juga mengenai hubungan antara ajaran Gereja Roman Katholik dengan ajaran yang dibawa oleh St. Paul. Seterusnya, dibincangkan pula mengenai sumber-sumber utama Gereja Roman Katholik iaitu *The New Testament* dan *The Old Testament* yang menukilkan bahawa Jesus Christ adalah *Son of God* dan *Son of Man* yang berperanan sebagai penyelamat manusia daripada memikul dosa warisan.

Bab Dua: mengemukakan kajian mengenai konsep dosa warisan yang diasaskan oleh St. Paul, rentetan perjalanan sejarah Kristian yang kemudiannya telah menerima dosa warisan sebagai suatu akidah, pembuktian terhadap dosa warisan wujud di dalam diri manusia yang menjadi punca kegelisahan dan peranan Jesus Christ menurut kupasan sarjana Roman Katholik yang telah berjaya menghapuskan bebanan dosa warisan daripada melingkari kehidupan manusia.

Bab Tiga: menghuraikan mengenai kepercayaan Gereja Roman Katholik terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan yang menyelamatkan manusia daripada belenggu dosa warisan. Kepercayaan tersebut dianalisis menurut perspektif *The Holy Bible* dan sarjana-sarjana Roman Katholik.

Bab Empat: mengandungi analisis dan kritikan Islam terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan berdasarkan kenyataan-kenyataan yang terdapat di dalam al-Qur'an, Bible Barnaba dan komentar-komentar dari tokoh-tokoh perbandingan agama seperti Stephen Neill, Ahmad Deedat, Maurice Bucaille dan lainnya.

Penutup: mengandungi kesimpulan-kesimpulan dan sumbangsaran-sumbangsaran.

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ء	'	سأل	*sa'ala*
ب	B	بدل	*badala*
ت	T	تمر	*tamr*
ث	Th	ثورة	*thawrah*
ج	J	جمال	*jamāl*
ح	H	حديث	*Hadīth*
خ	Kh	خالد	*Khalid*
د	D	ديوان	*Dīwān*
ذ	Dh	مذهب	*Madhhab*
ر	R	رحمن	*Rahmān*
ز	Z	زمزم	*Zamzam*
س	S	سراب	*Sarab*
ش	Sh/Sy	شمس	*Shams/Syams*
ص	S	صبر	*Sabr*
ض	D	ضمير	*Damīr*
ط	T	طاهر	*Tāhir*
ظ	Z	ظهر	*Zuhr*
ع	c	عبد	*ᶜabd*
غ	Gh	غيب	*Ghayb*
ف	F	فقه	*Fiqh*
ق	Q	قاضي	*Qādī*
ك	K	كأس	*ka's*
ل	L	لبن	*Laban*
م	M	مزمار	*Mizmār*
ن	N	نوم	*Nawm*
ه	H	هبط	*Habata*
و	W	وصل	*Wasl*
ى	Y	يسار	*Yasār*

VOKAL PENDEK

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ـَـ	A	فعل	*Fa^{c}ala*
ـِـ	I	حسب	*Hasiba*
ـُـ	B	كُتب	*Kutiba*

VOKAL PANJANG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
ا ى	Ā	كاتب	*Kātib, qadā*
ى	Ī	كريم	*Karīm*
و	ū	حروف	*Hurūf*

DIFTONG

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh	Transliterasi
و	Aw	قول	*Qawl*
ى	Ay	سيف	*Sayf*
ىّ	Iyy	رجعى	*raj^{c}iyy* (di akhir)
وّ	Uww	عدو	*^{c}aduww* (di akhir)

SENARAI KEPENDEKAN

AIUM -	Akademi Islam Universiti Malaya
APIUM -	Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
a.s -	'Alaihissalâm
BAHAEIS -	Bahagian Hal Ehwal Agama Islam
bil. -	Bilangan
c.	***chapter*** (bab)
cet. -	Cetakan
CRC. -	Catholic Reserch Centre
Dr. -	Doktor
Drs. -	Doktor Randers
e.d -	Diedit oleh
et. al.	Bersama pengarang-pengarang yang lain
hal. -	Halaman
hj. -	Haji
Ibid. -	Ibidiem (Rujukan pada tempat yang sama)
Infra -	Akan dibincangkan @ diperbahaskan
jil. -	Jilid
M. -	Masehi (tahun)
(m.) -	Meninggal dunia (mati)
p.	***paragraph*** (perenggan)
Prof. -	Professor
(t.t) -	Tiada tahun terbitan
T.T -	Tiada Tempat (negara penerbitan)
t.t.p -	Tiada tempat penerbitan (pustaka penerbitan)
s.a.w -	Salallahu 'alaihi wa sallam
SM -	Sebelum Masehi (tahun)
Supra -	Telah diperbincangkan sebelum ini.
s.w.t -	Subhanahu wa Ta 'ala
U.S.A -	United State of America
vol. -	Volume
YAPEIM -	Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia
PUM -	Persatuan Ulama Islam

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

A . PENGENALAN

Penyelidikan di dalam mini disertasi ini adalah mengenai suatu aspek akidah yang terdapat di dalam Gereja Roman Katholik. Akidah yang dimaksudkan ialah kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai seorang penyelamat yang bertaraf Tuhan. Menurut gereja tersebut Jesus dijelmakan di dunia oleh Tuhan adalah untuk menyelamatkan manusia daripada belenggu dosa yang berpunca daripada kesalahan Adam dan Eve[1]. Dengan mempercayai akidah tersebut, penganut Kristian dijamin mendapat naungan keselamatan dan kasih sayang Tuhan di hari Pengadilan kelak yang akan dihakimi oleh Jesus Christ.

Walau bagaimanapun, kepercayaan Gereja Roman Katholik di atas tidak diterima oleh Islam. Agama Islam telah menolak konsep Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan. Penolakan Islam terhadap konsep tersebut telah menimbulkan konflik di antara Islam dan Kristian. Ini kerana Islam tidak dapat menerima konsep bahawa Tuhan boleh menjelma sebagai manusia. Bagi melihat perbezaan tersebut, penyelidikan yang dilakukan ini terlebih dahulu menghuraikan mengenai kepercayaan Gereja Roman Katholik setelah itu dibentangkan pula analisis dari perspektif Islam.

---

[1] ***Infra***. Bab tiga. Hal. 70

B . HIPOTESIS KAJIAN

Penganut Gereja Katholik berkeyakinan bahawa Jesus Christ adalah penyelamat atau *saviour* bertaraf Tuhan yang berperanan membebaskan manusia daripada memikul dosa warisan. Dosa tersebut berpunca daripada kesalahan Adam dan Eve[2]. Kepercayaan kepada Jesus Christ sebagai penyelamat akan menjamin penganut Gereja Roman Katholik mendapat naungan kasih sayang Tuhan di hari pengadilan kelak. Walau bagaimanapun kepercayaan di atas telah ditolak oleh Islam. Ini kerana menurut Islam Jesus Christ yang dikenali sebagai Isa a.s adalah manusia biasa yang telah dicipta oleh Allah tanpa bapa yang ditugaskan menjadi rasul kepada Bani Israel. Justeru untuk melihat sejauhmana analisis Islam terhadap isu Jesus Christ sebagai penyelamat, kajian ini meneroka dan menyingkap pelbagai sumber untuk merungkai hipotesis.

C . OBJEKTIF DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan mini disertasi ini mempunyai objektif dan kepentingannya tersendiri. Antaranya adalah:

1. Mengkaji sejauhmana Gereja Roman Katholik terpengaruh dengan ajaran St. Paul dan melaksanakannya di dalam kehidupan beragama.
2. Melihat sejauhmana dosa warisan boleh dikatakan sebagai asas kepada kepercayaan Jesus Christ sebagai penyelamat.

---

[2] ***Infra***. Bab dua. Hal. 43-45.

3. Menghurai dan membahas mengenai kepercayaan terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan.
4. Menganalisis menurut perspektif Islam terhadap kepercayaan Gereja Roman Katholik tentang konsep penyelamat dan dosa warisan.
5. Memperbanyakkan kajian-kajian di dalam bidang perbandingan agama khususnya dalam versi Bahasa Malaysia

D . SKOP PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini tertumpu kepada kepercayaan Gereja Roman Katholik yang mendakwa Jesus Christ sebagai penyelamat bertaraf Tuhan. Keimanan sedemikian wujud kerana adanya kepercayaan bahawa semua manusia adalah berdosa. Dosa tersebut menurut Gereja Roman Katholik adalah berpunca daripada Adam dan Eve. Tuhan dikatakan telah menjauhkan rahmat-Nya daripada manusia selepas kesalahan yang dilakukan oleh Adam dan Eve. Akibatnya keturunan manusia telah mengalami suatu tempoh kehidupan yang sengsara; dilema untuk kembali kepada Tuhan kerana dihalang oleh kecenderungan untuk melakukan kejahatan akibat dosa warisan.

Di dalam menerapkan kepercayaan ini Gereja Roman Katholik mendakwa ia adalah ajaran sebenar Jesus Christ yang dinukil daripada *The Holy Bible*. Bible yang dianggap sebagai kitab suci telah diketengahkan oleh penulis di dalam membahaskan masalah di atas. Selanjutnya, oleh kerana kajian ini berbentuk

perbandingan dihuraikan pula analisis Islam terhadap kepercayaan Gereja Roman Katholik di atas bagi tujuan mencari suatu justifikasi yang tepat. Di samping itu, ulasan daripada Bible Barnaba turut dipaparkan bagi tujuan perbandingan mengenai isu Jesus Christ sebagai penyelamat para penganut agama Kristian.

E . MASALAH PENYELIDIKAN

Kajian ini membincangkan mengenai kepercayaan Kristian Katholik terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat. Kepercayaan tersebut bermula daripada kepercayaan terhadap pensaliban Jesus adalah untuk menyelamatkan seluruh manusia daripada kesan dosa yang dilakukan oleh Adam dan Eve di Syurga.

Menurut Gereja Katholik kedatangan Jesus Christ ke dunia dianggap sebagai penyelamat dan sekaligus lambang kasih dan cinta Tuhan kepada manusia. Manusia yang sepatutnya dihukum kerana kesan dosa tersebut, telah dirahmati oleh Tuhan dengan cara merelakan *Son of Man* dan *Son of God* disalib sebagai penganti kepada hukuman ke atas manusia.

Bagi penganut Katholik yang meyakini Jesus Christ sebagai penyelamat dan melaksanakan segala ajaran Gereja Katholik akan dijamin kehidupannya dengan mendapat naungan kasih sayang Tuhan dan pengadilan yang sempurna di hari Akhirat kelak.

Justeru, kajian ini akan menelusuri sejarah agama Kristian yang bermula daripada kelahiran Gereja Roman Katholik dan kemasukan pengaruh St. Paul ke dalamnya yang membawa kepada kepercayaan bahawa Jesus Christ adalah sebagai penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan. Selanjutnya semua agenda di atas akan dilihat pula pandangannya menurut perspektif Islam. Ini penting dilakukan kerana kajian ini adalah berbentuk perbandingan.

F . METODOLOGI PENYELIDIKAN

Di dalam proses penyelidikan terhadap sesuatu kajian, metodologi merupakan aset yang paling penting. Metodologi adalah jalan dan pertunjuk kepada pengkaji di dalam memahami sesuatu objek yang diteliti. Justeru, metodologi mempunyai kaedah-kaedah dan trek-trek yang sistematik[3]. Ia merupakan suatu prosedur yang mesti diikuti oleh semua pengkaji bagi mendapat pengiktirafan dan kualiti yang tinggi di dalam penyelidikan yang dijalankan. Sesuatu kajian ilmiah akan dikira bermutu seandainya metodologi yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya[4].

Menyedari kepentingan di atas, penyelidikan disertasi ini menggunakan metodologi-metodologi yang telah diakui oleh para penyelidik sebagai landasan terhadap kajian yang dilakukan. Metodologi-metodologi tersebut adalah:

---

[3] Imam Barnadib (1982), ***Arti dan Metode Sejarah Pendidikan***. Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIP-IKIP. Hal. 51.

[4] Stephen Isaac dan William B. Michael (1990), ***Handbook in Research and Evaluation***. San Diego: Edits Publishers, ed. 2. Hal. 2.

1. Metod Pengumpulan Data.

Metod pengumpulan data adalah usaha yang dibuat oleh pengkaji di dalam menghimpun data-data berkaitan dengan kajian daripada sumber-sumber yang diakui. Selanjutnya, data-data itu dianalisa dan ditafsir bagi tujuan penyelidikan[5]. Metod pengumpulan data ini dibahagikan kepada 2 bentuk kajian iaitu:

i) Kajian Perpustakaan (*Library Research*)

ii) Kajian Lapangan (*Field Research*).

Kajian perpustakaan dilakukan oleh penulis di dalam mendapatkan fakta-fakta yang bersifat sejarah, polemik keagamaan, pemaparan ideologi yang dipegang dan hujah-hujah yang kuat dan relevan yang dibentangkan oleh sarjana-sarjana perbandingan agama di dalam menyokong sesuatu fahaman. Hanya buku-buku yang terdapat di dalam perpustakaan sahaja yang boleh membantu penulis di dalam mencari dan menyaring maklumat yang diperlukan. Di dalam melakukan kajian ini, penulis telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan bagi tujuan yang dinyatakan, antaranya:

1. Perpustakaan Utama, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
2. Perpustakaan Pusat Matrikulasi Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri, Universiti Malaya, Kelantan.

---

[5] Mohd. Majid Konting (1990), ***Kaedah Penyelidikan Pendidikan***. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, cet. 1. Hal. 86.

3. Perpustakaan Awam Pusat Islam Kuala Lumpur.

4. Perpustakaan Pusat Penyelidikan Katholik (CRC), Kuala Lumpur.

5. Perpustakaan Negeri Pahang, Kuantan, Pahang.

6. Perpustakaan Mini Gereja Roman Katholik, Jalan Gambut, Kuantan, Pahang.

Selanjutnya, di dalam melakukan kajian perpustakaan ini, penulis menggunakan pula beberapa metod iaitu: Metod Historis dan Metod Dokumentasi.

Metod Historis digunakan bagi meneliti dan menganalisa segala fakta yang didapati berunsurkan sejarah. Sebagai contoh, di dalam kajian ini metod tersebut telah diaplikasikan oleh penulis di dalam memaparkan sejarah hidup St. Paul (bab 1).

Metod Dokumentasi pula dipraktikkan di dalam mengumpul dan mengamati segala alatan bertulis atau bergambar yang bertaraf dokumentasi seperti lukisan, diari, fail-fail dan sebagainya yang relevan dengan kajian[6]. Segala bahan ini dikumpul, diselidiki dan dianalisis dengan kemampuan yang ada. Tujuan metod ini digunakan adalah untuk mengenal pasti bahawa paparan di dalam kajian ini adalah bertepatan. Sebagai contoh pada bab 1 penulis menggunakan metod ini di dalam memberikan tarikh kelahiran Gereja Roman Katholik di dalam dunia Kristian.

Sumber dokumentasi yang digunakan dalam kajian ini merupakan sumber pertama (*premier*) dan kedua (*secunder*), di antara yang digunakan ialah:

---

[6] Abdul Halim bin Mat. Diah (1987), ***Suatu Contoh Tentang Metodologi***. Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin AIUM. Hal. 56.

1. al-Qur'an
2. al-Hadis
3. *The Holy Bible* (*Old Testament dan New Testament*)
4. Buku-buku yang berkaitan dengan kajian.

ii) Kedua, kajian lapangan (*Field Research*), dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan fakta tertentu daripada beberapa responden yang secara langsung terlibat dengan kepercayaan Gereja Katholik seperti pemimpin gereja. Di dalam menjalankan kajian ini, metod pemerhatian yang teliti atau *observation* dan wawancara atau *interview* telah dipraktikkan bagi tujuan penguatan (*confirmation*)[7]. Kajian ini melakukan temubual dengan 2 orang responden utama yang terbabit secara langsung di dalam praktikal-praktikal keagamaan Gereja Roman Katholik. Mereka ialah *Father* Stan dan *Father* Jeremy. Kedua-duanya merupakan di antara pemimpin tertinggi Gereja Roman Katholik di negeri Pahang. Sebelum melakukan proses interviu penulis telah membuat perencanaan bagi tujuan kelancaran perlaksanaan metod ini. Interviu yang dilakukan adalah tidak berstruktur tetapi tetap berfokus kepada tajuk kajian. Ini dilakukan untuk menjaga kemuslihatan kajian dan sikap prejudis responden yang ditemui. Metod ini diguna bagi menampung keperluan di dalam membuat analisis terhadap kajian.

---

[7] William G. Zikmund (1991), ***Research Methods***. Philadelphia: The Dryden Press, ed. 3. Hal. 142-145.

2 . Metod Analisa Data

Proses penganalisisan dilakukan terhadap segala maklumat dan data-data yang telah terkumpul. Untuk mendapatkan analisis data yang bertepatan, kajian ini menggunakan beberapa kaedah yang lazim digunakan iaitu Metod Induktif, Deduktif dan Komparatif. Metod-metod ini digunakan sepenuhnya oleh penulis di dalam menyempurnakan kajian ini.

1. Metod Induktif.

   Penulis menganalisis dengan cara menghalusi setiap fakta dan selanjutnya menyimpulkan kepada suatu kesimpulan yang bersifat global. Metod ini banyak digunakan dalam penulisan bab 2 dan 3. Sebagai contoh, pada bab ke 3 penulis membentangkan mengenai tanggapan penganut Katholik terhadap Jesus Christ seperti Jesus adalah penebus dosa, *Son of God*, *Son of Man* dan pendamai antara manusia dengan Tuhan. Kesemua anggapan ini telah membawa kepada satu kesimpulan global iaitu Jesus Christ adalah penyelamat atau *saviour* bertaraf Tuhan yang paling layak membebaskan manusia daripada belenggu dosa warisan.

2. Metod Deduktif

   Penulis mengambil atau mengutip fakta dan maklumat yang umum, kemudian memperinci dan memecahkannya kepada satu persatu, sehingga

data itu mencapai tahap yang tuntas[8]. Metod ini banyak digunakan di dalam bab penutup. Sebagai contoh penulis membuat kesimpulan bahawa doktrin Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada belenggu dosa warisan yang berpunca daripada Adam dan Eve bukanlah berasal daripada ajaran Jesus Christ tetapi merupakan idea ciptaan St. Paul.

3. Metod Komparatif

Penulis menggunakan metod ini di dalam membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Perbandingan ini dibuat berdasarkan analogi dan kekuatan hujah [9]. Metod ini banyak digunakan oleh penulis di dalam bab 4. Sebagai contoh penulis mengambil pandangan al-Qur'an dan sarjana Islam sebagai justifikasi di dalam melakukan analisis terhadap kepercayaan Gereja Roman Katholik bahawa Jesus Christ adalah penyelamat manusia daripada kekangan dosa warisan.

G. KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Topik sebagaimana dilakukan oleh penulis telah banyak diperbahaskan oleh para sarjana Barat dan Timur. Namun penulisan mereka kurang menitikberatkan komentar secara analisis. Justeru, kajian ini cuba menyingkap kepercayaan tersebut secara analisis menurut perspektif al-Qur'an, al-Hadis, pandangan sarjana Islam dan Barat serta Bible Barnaba.

---

[8] ***Ibid.***

[9] Muhammad Sayyīd Ahmad al- Masīr (1994), ***al-Madkhal li Dirāsat al-Adyān***. Bayrūt: Dār al-Sibā'ah al-Muhammadiyyah. Hal. 5-8.

Buku-buku yang menyentuh kajian di atas boleh didapati dalam pelbagai bahasa seperti Inggeris, Arab dan Malaysia. Antara buku-buku tersebut adalah seperti *Religion Of the World* karangan Gerald L. Berry (1969), *A Guide To The World's Religious* karangan David G. Bradley (1965), *The Way of Jesus* karangan Dr. Bruce Farnham (1995), *Life of Christ* karangan Dr. E Le Joly (1994), *ᶜIsā al-Masīh* karangan ᶜAbd al-Hamīd Jawdah al- Sahhār, *Muhādarāh fī Nasrāniyyah* karangan al-Imām Muhammad Abū Zuhrah, *al-Masīh Wa al-Masihiyyah Wa al-Islām* karangan Dr. ᶜAbd al-Ghāniyy ᶜAbbūd (1984) dan *Haqīqah al-Nasrāniyyah* karangan Dr. Ahmad Hijaziyy al-Saqā (1985). *Agama-agama Besar Di Dunia* karangan Joesoef Sou'yb (1983), *Sorotan Kepada Agama Masehi* karangan Dr. Rauf Shalaby (1972), Buku-buku di atas membicarakan tentang kelahiran, ajaran, usaha, persidangan gereja sedunia, ajaran Kristian selepas ketiadaan Jesus, pepecahan umat Kristian kepada beberapa gereja, akidah *trinity* dan sebagainya.

Perbincangan yang berkaitan dengan kepercayaan agama Kristian pula boleh didapati daripada buku-buku seperti *Believers In One God-Judaism, Christianity and Islam* karangan Michael Kene (1993), *Sacrifice and Sacrament* karangan E.O James (1962) dan lain-lain. Terdapat kajian ilmiah mengenai doktrin agama Kristian di peringkat Sarjana Muda seperti *Konsep Pengampunan Dosa: Suatu Kajian Perbandingan Antara Islam Dan Kristian* (1994) oleh Zawiyah Abd. Hamid. *Jesus Christ Menurut Perspektif Kristian: Satu Tumpuan Terhadap Jesus Christ Sebagai Penyelamat* (1996) oleh Muhamad Miziazam Yahya. Manakala di peringkat Sarjana dan Kedoktoran pula ialah *Konsep Trinity Menurut Kristian dan Pandangan Islam*

Terhadapnya oleh Khadijah Mohd Hambali (1993) dan *Paul's Use of The Old Testament* oleh Mary Lily Boney (1956). Buku-buku di atas banyak membantu penulis di dalam menghasilkan kajian ini.

Bagi membuat perbandingan di antara pandangan Kristian dan Islam pula, penulis banyak bergantung kepada buku-buku yang dikarang oleh sarjana-sarjana tertentu seperti *Muqāranah al-Adyān* oleh Ahmad Shalabiyy (1984), *Pembelaan...* oleh Tan Chee Ing (1996) dan lain-lain. Buku-buku yang disebutkan banyak membincangkan mengenai doktrin *trinity*, *Son of God*, *cruxifiction*, *atonement* dan *resurrection*. Justeru ia banyak membantu penulisan kerana kebanyakkan perkara yang diperbincangkan mempunyai kaitan yang rapat mengenai keyakinan penganut Katholik terhadap Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada kekangan dosa warisan terutama doktrin *atonement* dan *Son of God*.

Selain daripada buku-buku yang dinyatakan, terdapat 2 buah buku lagi yang menjadi rujukan di dalam penulisan ini iaitu *al-Masihiyyah Nasy'atu-hā wa Tatawwuru-hā* karangan Dr. ᶜAliyy ᶜAbd al-Halīm Mahmūd (1988). Dr. ᶜAliyy ᶜAbd al-Halīm adalah penulis Islam yang mendapat pendidikan di Perancis yang banyak menulis tentang doktrin-doktrin yang terdapat di dalam agama Kristian. Penulisan Dr. ᶜAliyy ᶜAbd al-Halīm Mahmūd banyak membantu penulis meraih maklumat mengenai doktrin Jesus sebagai penyelamat. Sebagai contoh beliau memperjelaskan bahawa akidah yang mempercayai Jesus Christ sebagai penebus dosa di dalam agama Kristian adalah cedokkan daripada agama Pagan. Beliau

selanjutnya memperjelaskan tentang konsep agama Kristian yang diajar oleh Jesus dan yang diajar oleh St. Paul.

Di samping buku Dr. ʿAliyy ʿAbd al-Halīm Mahmūd sebuah lagi buku yang dirujuk oleh penulis di dalam melengkapkan desertasi ini ialah karangan William Evans (1967) yang berjudul *The Great Doctrines of The Bible*. Beliau adalah seorang Katholik yang banyak menulis tentang doktrin-doktrin yang terdapat di dalam agama pegangannya. Penulisannya banyak menghuraikan mengenai konsep *salvation* dan hubungannya dengan *repentence*, *redemption*, *sanctification* dan *prayer*.

Selain daripada buku-buku di atas terdapat sebuah disertasi yang ditulis oleh Khadijah Mohd. Khambali @ Hambali (1993) yang bertajuk *Konsep Trinity Menurut Kristian dan Pandangan Islam Terhadapnya*. Beliau merupakan seorang pensyarah di Jabatan Akidah Dan Pemikiran Islam di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Di dalam bukunya beliau ada menyentuh mengenai peranan Jesus sebagai salah satu daripada tiga oknum triniti di dalam agama Kristian. Walaupun penulisannya tidak menjurus secara langsung ke arah konsep Jesus sebagai penyelamat namun paparannya mengenai Jesus sebagai *Son of God* dan *Son of Man* banyak membantu penulis di dalam melakukan penulisan ini.

Manakala buku *Jesus A Prophet of Islam* karangan Muhammad 'Ata ur-Raḫim (1981) dan *The Bible, Quran And Science* karangan Dr. Maurice Bucaille (1984)

juga banyak membantu penulis di dalam menyiapkan desertasi ini. Kedua pengarang ini banyak membantu penulis di dalam mendapatkan maklumat yang amat diperlukan. Mereka merupakan di antara penulis Islam yang banyak menulis tentang sejarah agama Kristian yang sebenar yang kebanyakkannya tidak diketahui oleh masyarakat Kristian sendiri. Sebagai contoh berkenaan dengan kewujudan fahaman *unitarianisme* di dalam agama Kristian yang mana fahaman ini telah diharamkan kerana ia bertentangan dengan fahaman *trinity*. Mereka juga menulis mengenai ajaran asal Jesus dan peranan yang dilakukan oleh St. Paul di dalam memesongkan ajaran Jesus selepas ketiadaannya.

Rumusan secara keseluruhannya, penulis mendapati penulisan-penulisan di atas tidaklah menepati secara seratus peratus mengenai topik kajian yang dilakukan oleh penulis tetapi ia banyak membantu khususnya di dalam memaparkan riwayat hidup St. Paul dan membuat analisis terhadap kedudukan Jesus Christ sebagai penyelamat manusia daripada kemurkaan Tuhan Bapa.

Walaupun penulis banyak bergantung kepada buku-buku di atas, namun kajian yang dijalankan oleh penulis adalah berlainan dengan gaya penulisan mereka kerana di dalam penyelidikan ini penulis lebih menumpukan analisis menurut perspektif al- Qur'an, Bible, komentar sarjana perbandingan agama dan pandangan pemimpin Gereja Roman Katholik yang terdapat di Malaysia.